

SURAT PEKELILING ICT NO. 2/2011

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri

**PERKARA: PENGGUNAAN TELEFON MUDAH ALIH BLACKBERRY OLEH
PEGAWAI KETUA BAHAGIAN/CAWANGAN (GRED JAWATAN 41
KE ATAS) DI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

RUJ. KAMI: JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1(3)

TARIKH: 25 Mei 2011

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah lanjutan daripada Surat Pekeliling ICT No. 4/2008. Tujuan pekeling ini adalah menetapkan peraturan bagi penggunaan telefon mudah alih Blackberry (*mobile phone*) bagi pegawai ketua bahagian/cawangan di agensi Kerajaan Negeri (gred jawatan 41 ke atas). Sistem Blackberry akan diguna untuk menerima dan menghantar emel rasmi serta dijadikan platform *mobile computing* pada masa akan datang.
- 1.2 Adalah dipersetujui bahawa Kerajaan Negeri akan mengguna pakai sistem Blackberry pakej baru yang ditawarkan oleh pembekal sedia ada iaitu Celcom Mobile Sdn. Bhd. Pakej ini adalah untuk semua pengguna Blackberry baru dan lama.
- 1.3 Bagi pengguna pakej Blackberry lama (ketua agensi dan timbalan residen seperti yang dinyatakan di perenggan 3.1, Surat Pekeliling ICT No. 4/2008) , adalah digalakkan untuk berpindah ke pekej baru ini bagi mendapat tawaran yang lebih kos efektif.
- 1.4 Dengan surat pekeling ini, pakej Blackberry lama yang ditawarkan pada Surat Pekeling ICT No.4/2008, adalah dibatalkan dengan serta-merta.

2. TAWARAN BARU TELEFON MUDAH ALIH BLACKBERRY

- 2.1 Pakej yang ditawarkan oleh Celcom Mobile Sdn. Bhd. adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A** termasuk harga dan jenis telefon mudah alaih Blackberry yang ditawarkan.
- 2.2 Kontrak pakej ini ialah 24 bulan.

3. PERATURAN PENGGUNAAN

3.1 Penggunaan Dibiayai Kerajaan

Penggunaan rasmi telefon mudah alih Blackberry adalah diberikan kepada:

- a. Ketua Agensi dan lain-lain yang telah diluluskan dalam perenggan 3.1 mengikut Surat Pekeliling ICT No. 4/2008.
- b. Semua pegawai yang merupakan ketua bahagian atau cawangan DAN gred jawatan adalah sekurang-kurangnya 41.

3.2 Syarat-syarat penggunaan rasmi seperti berikut:

- a. Pegawai MESTI menamatkan talian terus (*direct line*) sedia ada. Talian sambungan boleh dikekalkan untuk panggilan tempatan sahaja. Semua panggilan ke telefon mudah alih dan panggilan luar (*outstation call*) mesti menggunakan pakej Blackberry;
- b. Pembelian telefon mudah alih Blackberry adalah ditanggung oleh pegawai masing-masing;
- c. Kelayakan ini adalah tertakluk kepada satu telefon mudah alih Blackberry dan satu pendaftaran sahaja bagi setiap pegawai yang layak;
- d. Bayaran bulanan yang akan ditanggung oleh Kerajaan adalah RM100.00 untuk perkhidmatan asas;
- e. Panggilan/SMS rasmi menggunakan telefon Blackberry perlu dituntut daripada pejabat selepas ianya disahkan oleh Ketua Jabatan/Agensi.

3.3 Penggunaan Tidak Dibiayai Kerajaan

Pemilikan telefon mudah alih Blackberry juga dibuka kepada pegawai-pegawai berikut dan bayaran bulanan adalah **ditanggung sendiri**:

- a. Pegawai yang dinyatakan di perenggan 3.1 yang ingin memiliki telefon mudah alih Blackberry yang kedua dengan harga sama termasuk bayaran bulanan yang ditawarkan kepada Kerajaan.
- b. Penjawat-penjawat Kerajaan Negeri lain yang ingin memiliki telefon mudah alih Blackberry dengan harga sama termasuk bayaran bulanan seperti ditawarkan kepada Kerajaan bagi kegunaan sendiri.

4. PROSEDUR PERMOHONAN

- 4.1 Bagi memudahkan permohonan dan pendaftaran, semua pegawai yang layak mengikut perenggan 3.1 adalah dikehendaki mengisi borang permohonan di **Lampiran B** dan mengemukakan borang tersebut ke Pusat Perkhidmatan Celcom yang terdekat atau semasa Celcom *roadshow* di Pejabat-Pejabat Kerajaan tertentu seperti di **Lampiran C** semasa membuat pendaftaran.
- 4.2 Permohonan bagi kategori penggunaan tidak dibiayai Kerajaan bolehlah berhubung dengan Pusat Perkhidmatan Celcom dengan menunjukkan bukti bahawa anda adalah penjawat awam Negeri.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"








(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI HAJI ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak

BLACKBERRY OFFERING TO SARAWAK STATE GOVERNMENT

(Ref: CELCOMJES|SG/BB/2011/05/001)



	CKBERRY E8600	CKBERRY E8600	CKBERRY E8600	CKBERRY E8600
BLACKBERRY MODEL				
RECOMMENDED RETAIL PRICE	RM1,188	RM1,888	RM2,188	RM2,188
PACKAGE OFFERING	P48 commitment + BB RM98 + SMS Pack RM2 (FREE 300 SMS)			
PROMOTION PERIOD	Until 30th June 2011			
DEVICE PRICING:				
- NEW Registration	RM88	RM688	RM1,088	RM1,088
- Expired Contract (Existing Blackberry User)	RM88	RM688	RM1,088	RM1,088
- Upgrade Device for existing Blackberry (Still under contract)	RM1,188	RM1,888	RM2,188	RM2,188
HARDWARE PENALTY:				
- NEW Registration	RM1,000	RM1,000	RM1,000	RM1,000
- Expired Contract (Existing Blackberry User)	RM1,000	RM1,000	RM1,000	RM1,000
- Upgrade Device for existing Blackberry (Still under contract)	N/A	N/A	N/A	N/A
CONTRACT	24 MONTHS			



INTELLIGENT

VOICE PACKAGE + BLACKBERRY OFFERING TO SARAWAK STATE GOVERNMENT

PACKAGE	P48 commitment
MONTHLY COMMITMENT FEE	RM48
VOICE	
On-Net	10 sen / minute
Off-Net	15 sen / minute
SMS Pack 2 with FREE 300 SMS (on net)	
SMS Monthly Fee	RM2
On-Net	2 sen / sms
Off-Net	10 sen / sms
International	20 sen / sms
MMS	
On-Net	35 sen / mms
Off-Net	35 sen / mms
BLACKBERRY SERVICE	RM98
FREE DATA	Unlimited (5GB) Domestic
ITEMIZED BILL	RM3
CLOSE USER GROUP (CUG: 30527 'Kerajaan Negeri Sarawak')	FREE Group Calls - 50 Hours
CONTRACT PERIOD	24 months
PENALTY	RM150
UPFRONT PAYMENT (waived for corporate line registration or for auto debit facility)	RM150 (Rebate RM15 X 12 mths)

Borang Pendaftaran Telefon Mudah Alih Blackberry Di Biyai Kerajaan

Maklumat Pegawai

Nama Pegawai :		
No. Kad Pengenalan :	(Baru)	(Lama)
Jawatan :		
Gred :		
Nama Jabatan :		
Alamat Pejabat :		
Alamat Emel :		
No. Tel Pejabat :		
No. Tel Mudah Alih :		

Pengesahan Ketua Jabatan

Nama Ketua Jabatan :

Tandatangan : Cop Rasmi Jabatan :

Nota:

Sila kemukakan borang permohonan ini ke **Celcom Sdn Bhd.**

Senarai Pusat Perkhidmatan Celcom Sdn Bhd

1. Celcom Mobile Sdn Bhd
Level 1, Wisma Lim Kim Soon
Lot 609, Blok 195, Jalan Satok
93400 Kuching

- Roslan Bin Lek (0138115800)
- Valerie Lee (0198271900)
- Abdulrahim Bakeri (0198587807)

2. Celcom Mobile Sdn Bhd
Miri Service Centre
Lot 935, Block 9, MCLD Jalan Asmara
98000 Miri

- Lawrence Teo (0198551900)
- Ms Chan Teo Hong (0198553900)

3. Celcom Mobile Sdn Bhd
Sibu Service Centre
No. 44 Lot 1557, Jalan Keranji
Off Jalan Tuanku Osman
96000 Sibu

- Ms Ellis Chew (0198889900)

4. Celcom Mobile Sdn Bhd
Bintulu Service Centre
Lot 22, Park City Commerce Square
3rd Phase, Jalan Tun Ahmad Zaidi
97000 Bintulu

- Pn Nur Aina Abdullah @ Sim Yan Choo (0198556900)
- Ferdinand Sim (0198244900)